

# Masa mampu selesai kemelut Abdullah, Dr. Mahathir

KOTA BHARU 8 Sept. - Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Pahang, Datuk Seri Adnan Yaa-kob berkata, faktor masa boleh menyelesaikan kemelut antara Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Menurutnya, keyakinan tersebut berdasarkan kepada sejarah yang menunjukkan sebarang pertelingkahan dalaman UMNO akan selesai dengan sendirinya selepas tempoh tertentu.

"Bagi isu ini, masa akan menyembuhkan segalanya dengan syarat kita jangan merajuk, meletak jawatan atau membuat keputusan keluar parti," katanya.

Adnan yang juga Menteri Besar Pahang berkata demikian ketika berucap merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Ketereh di Yayasan Kemiskinan Kelantan (YKK), Peringat, dekat sini, hari ini.

Hadir sama ialah Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan yang juga Ketua UMNO Bahagian Ketereh, Datuk Seri Annuar Musa.

Menurut Adnan, ahli UMNO tidak harus bimbang dengan kemelut dalaman yang dihadapi kerana perkara tersebut tidak akan melemahkan parti, sebaliknya menjadikan ia lebih kuat.

"UMNO berjaya bertahan selama 60 tahun dan menjadi bertambah kuat walaupun sebelum ini boleh dikatakan setiap tiga tahun sekali akan berlaku krisis," katanya.

Adrian berkata, perpecahan dapat dielakkan kerana setiap kali berlaku krisis, majoriti ahli akan mengutamakan kepentingan parti dan bukannya perjuangan kelompok tertentu sahaja.

"Semua ahli perlu menyokong Abdullah kerana kita harus ingat tempoh tiga tahun pemerintahannya tidak akan dapat menyelesaikan isu yang gagal ditangani dalam tempoh 22 tahun sebelum ini," ujarnya.

Tambah beliau, setiap ahli juga dinasihatkan memberi tumpuan untuk memastikan UMNO dan bangsa Melayu terus kekal untuk selama-lamanya.